



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 JULAI 2020 (RABU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

29 JULAI 2020 (RABU)

Bekalan makanan Aidiladha mencukupi

Pengguna tidak perlu bimbang dan panik dalam membuat persediaan

Oleh NOR FARHANA YAACOB

ALOR GAJAH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan utama termasuk ayam mencukupi bagi memenuhi keperluan menyambut Hari Raya Aidiladha pada Jumaat ini.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, pengguna tidak perlu bimbang dan panik dalam membuat persediaan selain harga ayam lebih stabil berbanding beberapa bulan lalu hingga mencecah RM9 sekilogram kepada sekitar RM5.90 seekor.

"Kita lihat dari segi keperluan ia mencukupi dan menepati kawalan harga seperti disasarkan dan dimaklumkan harga ayam yang kini telah mencapai objektif apabila turun dari RM9 sekilogram kepada RM5.90 seperti di Terengganu dan beberapa tempat lain.

"Pegawai penguat kuasa kita seramai 2,300 juga akan turun melakukan penguatkuasaan dan pemeriksaan harga sepanjang musim perayaan ini," katanya pada



FOTO: BEFINAWA

Rosol (dua dari kanan) menyampaikan anugerah pelatih terbaik kepada Suriwan Kiat pada Majlis Protokol Tamat Latihan dan Amanat Menteri KPDNHEP kepada Pegawai Lantikan Baharu Gred KP41 di Alor Gajah semalam.

sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kementeriaannya juga bersiap siaga dalam berdepan gelombang ketiga pandemik coronavirus (Covid-19) termasuk memastikan barangan keperluan mencukupi seperti pelitup muka, cecair pembasmian kuman dan sebagainya.

Sementara itu, Rosol berkata, bilangan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDNHEP dalam negara masih tidak mencukupi lalu akan ditambah dari masa ke masa.

Beliau berkata, setakat ini kementerian itu hanya mempunyai seramai 2,300 orang dan daripada jumlah itu 30 hingga 40 peratus merupakan golongan profesional termasuk mereka yang berkelulusan dari luar negara.

Menurutnya, bertepatan

keadaan semasa, kementerian bercadang menambah bilangan profesional bagi memenuhi keperluan semasa memandangkan penduduk semakin bertambah selain skop tugas juga semakin meluas terutama dalam penguatkuasaan.

"Dengan dunia di hujung jari ada pelbagai tugas mencajar dan KPDNHEP memerlukan lebih ramai golongan profesional termasuk memantau kes penipuan scam dan sebagainya yang melibatkan jumlah kerugian wang ringgit.

"Oleh itu tugas semakin banyak dan kapasiti 2,300 orang tidak mencukupi bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menentukan pertambahan itu dari masa ke masa termasuk melibatkan golongan profesional," katanya.

Penjual jam tangan tiruan ditahan KPDNHEP

SETIU – Hasrat seorang peniaga mahu mencari keuntungan mudah dengan menjual jam tangan berjenama tiruan tidak kesampaian apabila premisnya di Permaisuri di sini diserbu pasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kelmarin.

Serbuan pada pukul 12 tengah hari itu berjaya merampas 125 unit jam tangan berjenama tiruan yang dianggarkan bernilai RM2,500.

Ketua Cawangan KPDNHEP Besut, Azani Ismail berkata, serbuan di rumah suspek berusia 29 tahun yang turut dijadikan premis perniagaan itu turut di sertai wakil syarikat jam tangan berjenama terbabit.

"Sebelum itu, syarikat tersebut yang memiliki cap dagang produk itu membuat aduan selepas mengesyaki jam tangan yang dijual suspek berkemungkinan palsu.

"Sehubungan itu, serbuan berkenaan berjaya merampas semua barang tiruan yang disyaki palsu terbabit selain menahan peniaga tersebut," katanya di sini semalam.

Azani berkata, suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019.

Menurutnya, lelaki itu berhadapan dengan hukuman denda maksimum RM10,000 bagi setiap barangan tiruan atau penjara sehingga tiga tahun atau keduanya jika sabit kesalahan.



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP dan wakil syarikat memeriksa sebahagian 125 jam tangan berjenama yang disyaki tiruan dalam serbuan di Setiu kelmarin.

Kabinet dapur tak siap, lelaki tuntutan RM7,000

Suara Pengguna

PUTRAJAYA – Sudahlah tidak siap, malah terpaksa berbelanja lebih untuk memperbaiki kerosakan yang ditinggalkan.

Itulah nasib seorang penjawat awam selepas kabinet dapur dan rak kasut yang ditempah pada harga RM11,000 gagal disiapkan kontraktor selain sebahagiannya didapati telah rosak.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Jamil, 36, memberitahu, episod malangnya itu bermula apabila dia mahu membuat pengubahsuaian ruangan dapur di unit kediaman baharunya di sebuah pangsapuri di Presint 11 di sini, Ogos tahun lalu.

Bapa kepada tiga orang anak itu memberitahu, kos pengubahsuaian yang menelan belanja RM11,000 meliputi pemasangan kabinet dapur baharu, kabinet pakaian dan kasut.

"Katanya, dia telah membayar sejumlah RM9,300 dan berbaki RM1,700 lagi.

"Pada mulanya, semua kerja-kerja pengubahsuaian mengikut jadual tetapi beberapa minggu selepas itu, kerja-kerja berkenaan mula bermasalah.

"Pelbagai alasan diberikan pihak kontraktor apabila ditanya tentang status pengubahsuaian berkenaan," katanya kepada Kosmo! di sini baru-baru ini.

Jamil mendakwa, kerja pengubahsuaian itu sepatutnya siap pada Oktober tahun lalu, namun tergendala sehingga dia bertindak menghentikan kerja-kerja yang dilakukan syarikat kontraktor tersebut Januari lalu.

"Saya terpaksa mengeluarkan sejumlah RM5,000 lagi untuk menyempurnakan hasil kerja kontraktor tersebut termasuk memperbaiki kerosakan pada permukaan jubin kabinet itu," ujarnya.

Ekoran rasa tidak puas hati



CONTOH gambar kabinet dapur yang ditempah Jamil dan gagal disiapkan kontraktor. – GAMBAR HIASAN

dengan perkhidmatan ditawarkan syarikat kontraktor yang diupah, Jamil kemudiannya memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna (TTPM) di sini membabitkan jumlah sebanyak RM7,000.

Menurutnya, tuntutan sebanyak RM7,000 itu adalah keru-

gian yang terpaksa ditanggung pihaknya ekoran tindakan pihak kontraktor terbabit.

Sementara itu, Presiden TTPM Putrajaya, Mohd. Zahirullah Mohd. Taib memutuskan syarikat kontraktor dari Selangor itu untuk membayar jumlah tuntutan berkenaan dalam tempoh 14 hari.



Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (RM/kg)
• Ayam	6.50
• Daging Lembu Tempatan	34
• Daging Lembu Import	20
• Telur Gred A	10.20
• Ikan Kembung	6.99
• Minyak Masak	5.30
• Gula Pasir	2.85
• Bawang Besar Holland	1.90
• Bawang Putih	3.20
• Cili Merah	6.20
• Kubis Tempatan	1.59
• Tepung Gandum	2.15

Sumber: KPDNHEP

Peniaga tipu sukatan timbang?

SAUDARA PENGARANG,

SAYA sering berkunjung ke Pasar Borong Selangor. Selama ini saya tidak pernah meragui sukatan timbangan oleh penjual. Namun minggu lalu, saya mengesyaki salah seorang penjual warga asing cuba menipu sukatan timbangan ikan kembung yang saya beli. Saya tergerak untuk menimbang sekali lagi di kedai sayur sebelah.

Ternyata timbangan tersebut berbeza. Bukan sedikit perbezaan timbangan itu. Saya tidak berpuas hati, lalu pergi semula ke kedai ikan berkenaan untuk menanyakan hal itu. Tetapi penjual ikan yang merupakan warga Myanmar tetap mempertahankan alat timbangannya betul tanpa pengubahsuaian.

Baru-baru ini, ada seorang pengguna Twitter berkongsi maklumat berhubung untuk mengesan alat penimbang yang disahkan pihak berkuasa.

Alat penimbang tulen mempunyai pelekat hijau atau biru dengan label



Jika peniaga tidak menggunakan penimbang yang mempunyai cop MCM, mereka boleh dikenakan tindakan..”

Metrology Corporation Malaysia (MCM). MCM ditubuhkan bagi tujuan menjalankan perkhidmatan pengesahan dan pengesahan semula semua alat penimbang dan pengukur yang digunakan di negara ini.

Jika peniaga tidak menggunakan penimbang yang mempunyai cop MCM, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Timbang & Sukat 1972 (Pindaan 1981) dengan denda maksimum RM40,000 jika bersalah.

HAJI ABDULLAH
Selangor